

## 1.0 Pengenalan

Sejarah negara Jepun merupakan sebuah sejarah yang unik dan menarik. Susur galur tempoh masa yang panjang dalam sejarah Jepun dapat dibahagikan kepada zaman prasejarah<sup>1</sup>, zaman klasik<sup>2</sup>, zaman pertengahan dan zaman moden<sup>3</sup>. Dalam penulisan ini, zaman pertengahan sejarah Jepun yang akan menjadi tumpuan perbincangan. Zaman pertengahan ini memperlihatkan pemerintahan berasaskan *bakufu*<sup>4</sup> atau Keshogunan di mana tamatnya monopoli kuasa istana dan biara. Kozo Yamamura dalam *The Cambridge History of Japan Volume 3 Medieval Japan* mengatakan:

“This was the period of warriors. Throughout these centuries, the power of the warrior class continued to rise, and one political result of this development was the formation of warrior governments, or bakufu.....The term feudalism is generally used by scholars to describe this period.”<sup>5</sup>

Abu Talib Ahmad dalam *Tamadun Jepun* pula menggambarkan ia sebagai:

“Institusi baharu ini dicirikan penglibatan lebih besar kelompok perwira (*bushi*) dalam hal ehwal pusat dan daerah, kewujudan sebuah kesyogunan yang mempunyai kuasa tentera dan sivil dan semakin pentingnya hubungan antara penaung dengan pekerja (*lord-vassal*).”<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Zaman prasejarah bermula daripada Jomon sekitar tahun 8000 Sebelum Masihi (SM), dan berlanjutan sekitar tahun 300 S.M, diikuti zaman Yomoi (300 S.M-300M), zaman Kofun (300M-550M). Walaupun terdapat perbezaan tahun oleh para sarjana, penerangan penulis adalah berdasarkan Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 13-26

<sup>2</sup> Bermula daripada Asuka (tahun 593-710), diikuti Nara (710-794), Heian (tahun 794-1185), *Ibid*, Hlm 27-35

<sup>3</sup> Zaman moden bermula daripada zaman pemulihan/pemodenan Meiji (1868-1912), Taisho (1912-1926), Showa (1926-1989), dan zaman Hensei (1989-April 2019). Perbincangan mengenai zaman Meiji, Taisho dan Showa boleh dilihat dalam *Ibid*, Hlm 58-70. Zaman Hensei yang merujuk kepada pemerintahan raja-raja daripada keluarga yang sama berakhir pada 30 April 2019 apabila Maharaja Akihito turun takhta dan disusuli dengan zaman Reiwa (1 Mei 2019-kini), apabila puteranya Naruhito ditabalkan menjadi maharaja ke-126.

<sup>4</sup> *Bakufu* bermaksud *tent government* atau pejabat di dalam khemah. Pada asalnya ia merujuk kepada rumah seorang jeneral. Khemah juga adalah simbolik kepada komander medan perang. Menurut Robert L. Worden “*bakufu, it is often referred to in Western Literature as the shogunate*” Lihat Ronald E. Dolan & Robert L. Worden (editor), *Japan : a country study*, Washington: Federal Research Division, Library of Congress, 1992, Hlm 17

<sup>5</sup> J.W Hall (peny), *The Cambridge History of Japan Volume 3 Medieval Japan*, Cambridge: Cambridge University Press, 1990, Hlm 1

<sup>6</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 36

Zaman Kamakura (1185-1333) menandakan permulaan pemerintahan berasaskan Keshogunan *bakufu* pada zaman pertengahan di Jepun yang kemudiannya diikuti oleh Zaman Muromachi atau turut dikenali sebagai Ashikaga (1336-1573), zaman Azuchi Momoyama (1573-1600) dan Zaman Tokugawa (1600-1868).<sup>7</sup>

Zaman keshogunan Tokugawa<sup>8</sup> dikatakan sebagai zaman yang mencapai kematangan feudalisme di Jepun. David John Lu dalam *Sources of Japanese History Volume One* menggambarkan zaman Tokugawa sebagai:

*“The Great Peace throughout the Realm, or Tenka Taihei, was the phrase used to describe the Tokugawa peace which lasted for two and a half centuries. The long-lasting stability came not as an accident. It was a result of the deliberate policies adopted by the Tokugawa bakufu when it formally took power”*<sup>9</sup>

Oleh itu, dalam perbincangan penulisan ini, penulis **berpandangan bahawa keadaan sistem politik dan sosial dalam tempoh abad ke-12 hingga abad ke-16 yang merujuk kepada Keshogunan Kamakura dan Keshogunan Ashikaga sememangnya jauh berbeza dengan Keshogunan Tokugawa (1600-1868) kerana walaupun ketiga-tiga zaman mempunyai persamaan iaitu mewarisi bentuk pemerintahan *bakufu* namun berlaku perkembangan dan perubahan yang berterusan daripada aspek politik dan sosial menjadikan keadaan politik dan sosial ketiga-tiga Keshogunan tidak sama.**

---

<sup>7</sup> *Ibid*, Hlm 14

<sup>8</sup> Zaman Tokugawa turut dikenali sebagai zaman Edo berikutan kemenangan dalam Perang Sekigahara pada tahun 1600 yang mana Tokugawa Ieyasu telah diangkat menjadi *Seiitai Shogun* pada tahun 1603 dan mendirikan bakufu di Edo. Penawaran Osaka pada 1615 oleh Ieyasu telah memantapkan lagi penyatuan politik keshogunan Tokugawa. Penjelasan lanjut permulaan zaman Tokugawa boleh dilihat dalam M. Rajendran, *Sejarah Jepun*, Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn.Bhd, 1988, Hlm. 38.

<sup>9</sup> David John Lu, *Sources of Japanese History Volume One*, New York: McGraw-Hill Book Company, 1974, Hlm, 199

Pandangan penulis ini adalah sama seperti apa yang dikatakan oleh Maurius B. Jansen dalam *The Making of Modern Japan* iaitu “*That period was nevertheless one of constant development and change*”<sup>10</sup>

## **2.0 Perbezaan daripada aspek Politik**

### **2.1 Perbezaan Kematangan Keshogunan**

Pada pandangan penulis, dari aspek politik, perbezaan utama keshogunan Kamakura dan keshogunan Ashikaga jika dibandingkan dengan Keshogunan Tokugawa ialah dari sudut tahap kematangan atau keutuhan sistem keshogunan tiga zaman itu sendiri. Walaupun Minamoto Yoritomo<sup>11</sup> berjaya mengasaskan Keshogunan Kamakura dengan mengetepikan istana di Kyoto, namun ia tidak berjaya sepenuhnya menubuhkan satu pemerintahan keshogunan yang bersifat kebangsaan seperti apa yang dikatakan oleh Robert L. Worden dalam *Japan: a country study*:

*The Kamakura bakufu was not a national regime and although it controlled large tracts of land, there was strong resistance to the stewards...the old court resided in Kyoto, continuing to hold land over which it had jurisdiction, while newly organized military families were attracted to Kamakura.*”<sup>12</sup>

Ini berbeza dengan zaman keshogunan Ashikaga yang memperlihatkan penguasaan penuh *bushi* di mana Ashikaga Takauji berjaya merampas kuasa sepenuhnya lalu mengasaskan keshogunan Ashikaga yang berpusat di Muromachi yang terletak di bandar Kyoto.<sup>13</sup>

---

<sup>10</sup> Maurius B. Jansen. *The Making of Modern Japan*, London: The Belknap Press of Harvard University Press, 2002, Hlm 3

<sup>11</sup> Minamoto Yoritomo berjaya mengasaskan keshogunan Kamakura setelah berjaya memenangi Perang Gempei (1180-1185). Perang Gempei merupakan perang saudara yang berlaku akibat perebutan politik yang hebat antara keluarga Taira dan keluarga Minamoto. Untuk penjelasan lanjut lihat Conrad Schirokauer, David Lurie & Suzanne Gay, *A Brief History of Japanese Civilization Fourth Edition*. Wadsworth: Cengage Learning, 2013, Hlm 71-72

<sup>12</sup> Ronald E. Dolan & Robert L. Worden (editor), *Japan : a country study*, Washington: Federal Research Division, Library of Congress, 1992, Hlm 17-18

<sup>13</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 39

Kozo Yamamura dalam *The Cambridge History of Japan Volume 3 Medieval Japan* menyimpulkan perkembangan keshogunan seperti:

*“...under the second warrior government - the Ashikaga bakufu that came into being in 1336 and was firmly established by the end of the fourteenth century - the warrior class was able to erode the power of the civil authority. During the first half of the fifteenth century, when the bakufu's power was at its zenith, the warrior class governed the nation in substantive ways. Although the civil authority did not lose all its power and continued to help legitimize the bakufu, it was manipulated and used to serve the bakufu's own political needs almost at will. ...The third and last bakufu in Japanese history, the Tokugawa bakufu, took power in 1600 by unifying the regional warrior powers that had rendered the Ashikaga bakufu powerless and engaged in a century of internal warfare. The establishment of the Tokugawa bakufu, with a 267-year history that could be written with little reference to the civil authority, was the culmination of the warrior power that had first built the Kamakura bakufu nearly 500 years earlier”<sup>14</sup>*

Penulis berpandangan, penjelasan Yamamura tersebut menguatkan hujah penulis bahwa ketiga-tiga zaman tersebut, sistem politiknya adalah berbeza, yang bersifat perkembangan dan perubahan.

## **2.2 Perbezaan Bentuk Pemerintahan**

Berdasarkan perkembangan dan perubahan ketiga-tiga keshogunan di atas, terdapat beberapa perbezaan yang boleh dibincangkan dari segi bentuk pemerintahan keshogunan Kamakura, Ashikaga dengan keshogunan Tokugawa.

---

<sup>14</sup> J.W Hall (peny), *The Cambridge History of Japan Volume 3 Medieval Japan*, Cambridge: Cambridge University Press, 1990, Hlm 1-2

Pertama, semasa pemerintahan keshogunan Kamakura<sup>15</sup>, shogun berkuasa penuh melantik gabenor (*shugo*), steward tanah tentera (*jito*), pegawai awam dan pengurus *shoen*.<sup>16</sup> David John Lu dalam *Sources of Japanese History Volume One* memberi pandangan, “*in this way, Kamakura could administer or otherwise interfere in the affairs of shoen across the country, giving the former both a stronger base and greater political power.*”<sup>17</sup>

Beliau juga berpandangan salah satu pencapaian Kamakura yang menyerlah dan berbeza ialah Joie Shikimoku atau kanun Joei 1232. Sarjana lain seperti Conrad Schirokauer dalam *A Brief History of Japanese Civilization* menerangkan kanun berkenaan sebagai:

“*the Hojo concept of governance was reflected in its Joie Law code of 1232, the first codification of warrior law. One of its purpose was to define the duties of stewards and military governors. The code emphasized the impartial admiration of justice in settling warrior disputes, usually over land rights*”<sup>18</sup>

Abu Talib Ahmad dalam *Tamadun Jepun* pula menggambarkan tujuan Kanun berkenaan adalah bagi:

“mengukuhkan sistem sosial dan politik yang sedia ada menegaskan beberapa perkara penting seperti perlunya dipertahankan kepentingan institusi agama dan tuan tanah tanpa sebarang tekanan oleh golongan bangsawan, kepatuhan *bushi* kepada undang-undang *shoen* serta menghormati autoriti yang lebih tinggi, tanggungjawab *jito* dan *shugo* serta fungsi maharaja”<sup>19</sup>

---

<sup>15</sup> Dalam perbincangan Conrad, beliau berpandangan “*the structure of the Kamakura shogunate consists of an office of samurai (samurai-dokoro) looked after affairs of vassals (gokenin) and supervised military and police matters. A board of Inquiry (monchujo) dealt with judicial matters and under the Hojo of Administration (mandokoro) similar to the household offices of Heain aristocratic families*” Untuk penjelasan lanjut lihat, Conrad Schirokauer, David Lurie & Suzanne Gay, *A Brief History of Japanese Civilization Fourth Edition*. Wadsworth: Cengage Learning, 2013

<sup>16</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 37

<sup>17</sup> David John Lu, *Sources of Japanese History Volume One*, New York: McGraw-Hill Book Company, 1974, hlm, 99-108

<sup>18</sup> Conrad Schirokauer, David Lurie & Suzanne Gay, *A Brief History of Japanese Civilization Fourth Edition*. Wadsworth: Cengage Learning, 2013, Hlm 75

<sup>19</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 37-38

Perubahan perkembangan bentuk pemerintahan Kamakura kepada semasa Ashikaga memperlihatkan “*Yoshimitsu*<sup>20</sup> allowed the constables, who had limited powers during the Kamakura period, to become strong regional rulers, later called *daimyo*.”<sup>21</sup> Seterusnya, dalam pentadbiran Ashikaga juga, *shugo* diberikan peranan penting di peringkat pusat dan daerah. Keluarga-keluarga *shugo* utama menjadi penasihat Shogun dan mereka juga mengisi jawatan penting di pejabat pentadbir, pejabat *bushi*, pejabat dokumen, lembaga kehakiman, lembaga eksekutif. Pada hujung abad ke-14, *shugo* merupakan kuasa sebenar di peringkat daerah dan kerap juga dipanggil *shugo daimyo*.<sup>22</sup>

Jika diperhatikan perbincangan bentuk pemerintahan Kamakura dan Ashikaga di atas, ia mempunyai perbezaan dengan bentuk pemerintahan keshogunan Tokugawa yang berlanjutan lebih 250 tahun yang telah diperkukuhkan oleh sistem *bakuhan*. Sistem ini melibatkan satu kuasa pusat atau keshogunan (*bakufu*) di Edo dan kuasa daerah (*han*) diwakili oleh 250 *daimyo* yang mempunyai taraf ekonomi yang berbeza. Semua *han* juga telah disusun semula pada 1600-1652 dengan memperlihatkan keutamaan diberikan mengikut kelas *daimyo*.<sup>23</sup> *Bakufu* juga telah mengenakan kawalan yang ketat terhadap semua *daimyo*, golongan aristokrat dan maharaja di Kyoto. Maharaja hanya berperanan dari segi adat istiadat atau kesusasteraan sementara hubungannya dengan *daimyo* dikawal oleh *bakufu*.

---

<sup>20</sup> Ashikaga Yoshimitsu merupakan shogun ketiga (1368-1394). Lihat Ronald E. Dolan & Robert L. Worden (editor), *Japan : a country study*, Washington: Federal Research Division, Library of Congress, 1992, Hlm 21-22

<sup>21</sup> *Ibid*, Hlm 22

<sup>22</sup> *Shugo daimyo* mengambil alih peranan budaya kelompok aristokrasi dengan membina istana dan memberi sokongan kepada biara, serta dididik dalam etika kelas atasan, puisi, muzik, kesusasteraan, di samping membiasakan diri dengan adat istiadat istana. Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 40

<sup>23</sup> *Han* yang penting seperti Owari, Kii, dan Mito diketuai oleh keluarga Tokugawa iaitu *daimyo shimpan*. *Daimyo fudai* yang merupakan golongan yang membantu dalam Perang Sekigahara diiletakkan di *han* yang lebih kecil tetapi terletak di kawasan yang strategik untuk mengekang pengaruh *daimyo tozama* iaitu *daimyo luar* yang pernah membantu musuh (Mitsunari) dalam Perang Sekigahara dan hanya memberikan taat setia selepas itu kepada Tokugawa. Untuk perbincangan pengelasan *daimyo* dengan lanjut lihat Maurius B.Jansen. *The Making of Modern Japan*, London: The Belknap Press of Harvard University Press, 2002, Hlm 37-38

Satu ordinar atau peraturan bagi istana iaitu *Kinchu Kuge Sho-Hatto*<sup>24</sup> juga mula diperkenalkan. Berbeza dengan keshogunan sebelumnya, Tokugawa telah menggubal *Buke shohatto (Code for the Military Houses)*<sup>25</sup> pada tahun 1615, untuk lebih mengawal tingkah laku kehidupan daimyo. Antaranya:

*“Daimyo were not to admit “criminals” or “traitors” within their borders, they were prohibited from adding fortifications, or repairing old ones—“crenelated walls and deep moats are the causes of anarchy,” one clause read— and they were to request official permission before arranging marriages for family members.”*<sup>26</sup>

Selain itu, sistem *sankin-kotai*<sup>27</sup> iaitu sistem kehadiran bergilir juga diperkenalkan.

*“They were assigned plots of land in Edo appropriate to their status. They staffed them with service corps and samurai attendants, and maintained their personal family and their principal vassals’ families at the shogunal capital. They themselves were to come in alternate years—or, for some, alternate half years—to pay homage to the shogun. Begun as a system of hostages, the system became the basis of a rotating service life for the elite. By its workings future daimyo were born and raised at the metropolitan center and never visited their domain until they were invested as daimyo, after which they rotated between Edo and their fief”*<sup>28</sup>

---

<sup>24</sup> Perkara-perkara utama dalam ordinar ini ialah:

- a) Maharaja harus berdedikasi untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan beliau mesti mengikut ajaran klasik dan memajukan tradisi puisi.
- b) Menteri-menteri Agung (Great Ministers) di istana Maharaja (seperti Dojo-Daijin, Sa-Daijin, dan lain-lain) akan menduduki tempat yang lebih kanan berbanding dengan putera-putera raja dan
- c) Walau apa pun kedudukan mereka di istana, orang-orang yang membuat kesalahan akan dibuang negeri. [Sebagai tambahan, Syogun juga telah menetapkan jumlah hasil yang akan diterima oleh maharaja dan pegawai-pegawai bakufu dihantar ke istana untuk mengawasinya. Sebenarnya, Syogun telah melucutkan kuasa maharaja dan golongan bangsawan di samping menyekat kebebasan mereka.] lihat M. Rajendran, Sejarah Jepun, Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn.Bhd, 1988, hlm. 44

<sup>25</sup> Maurius B.Jansen. *The Making of Modern Japan*, London: The Belknap Press of Harvard University Press, 2002, Hlm 56

<sup>26</sup> *Ibid*, Hlm 56

<sup>27</sup> *Sankin-kotai* ini kemudiannya dilonggarkan pada tahun 1862 yang akhirnya memberikan kesan buruk kepada Edo yang kehilangan hampir setengah juta penduduk akibat penghijrahan keluar golongan serta keluarga mereka ketika bandar sedang mengalami kemelesetan ekonomi. Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 167

<sup>28</sup> Maurius B.Jansen. *The Making of Modern Japan*, London: The Belknap Press of Harvard University Press, 2002, Hlm 57

### 2.3 Hubungan dengan negara luar khususnya Tanah Besar China

Mulai abad ke 4 lagi, negara China telah menyumbang perkara penting kepada pembinaan tamadun Jepun terutamanya daripada aspek budaya dan sosio-politik. Orang Jepun mempunyai rasa hormat yang mendalam terhadap China yang dianggap sebagai “negeri Besar Tang”. Pada pandangan penulis, perubahan persepsi dan bentuk hubungan negara Jepun dengan negara luar khususnya negara China merupakan salah satu perbezaan yang menyerlah antara keshogunan Kamakura dan Ashikaga dengan keshogunan Zaman Tokugawa.

Semasa keshogunan Kamakura dan Ashikaga iaitu bermula abad ke-12, walaupun ketiadaan hubungan rasmi sama ada dengan wangsa Sung selatan di China ataupun wangsa Koryo di Korea, ia tidak menghalang wujudnya hubungan perdagangan mahupun budaya yang rapat antara Jepun dengan dua negara Asia Timur ini.<sup>29</sup> Contohnya, pada ketika itu perdagangan Jepun-China rancak melibatkan 40-50 buah kapal setiap tahun. Perdagangan yang melibatkan duit syiling Sung Utara, burung kakaktua dan kerbau amat penting bagi Jepun. Keshogunan Ashikaga pula turut memberikan galakan dengan menghantar kapal ke China untuk tujuan perdagangan termasuk mendapatkan bahan-bahan penting bagi pembinaan biara dan keramat. Walaupun dalam tempoh abad ke-12 hingga 16 ini juga berlaku pasang surut hubungan dengan negara China<sup>30</sup>, namun ia tidak menafikan bahawa negara China masih lagi penting kepada Jepun khususnya dari segi perkembangan Buddhisme, kesenian dan teknologi.

---

<sup>29</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 90-110. Perbincangan dan contoh lanjut yang dinyatakan oleh penulis juga berpandukan perbincangan Abu Talib Ahmad, kecuali jika dinyatakan ia daripada sarjana lain.

<sup>30</sup> Sebagai contoh, ordinan pada 1254 yang dikeluarkan oleh *Bakufu* Kamakura yang menyekat serta mengawal perdagangan luar yang akhirnya gagal dilaksanakan pada 1274 dan 1281 akibat serangan Mongol. Ataupun serangan Mongol yang menyebabkan orang Jepun tidak lagi mengakui diri mereka sebagai penaung China namun, pada awal abad ke-15, Jepun kembali mengakui dirinya sebagai penaung China. *Ibid*, Hlm 90-110



Ini amat berbeza dengan zaman keshogunan Tokugawa yang melaksanakan dasar *sakoku*<sup>31</sup> atau dasar pemencilan/tutup pintu. Dasar pemencilan telah dilaksanakan melalui tiga titah perintah yang dikeluarkan oleh bakufu dalam tahun 1633, 1635 dan 1639. Pada tahun 1633, *bakufu* melarang kapal-kapal Jepun meninggalkan negara melainkan mendapat lesen yang sah daripada *bakufu*. Titah perintah kedua yang dikeluarkan pada tahun 1635 sekali lagi melarang kapal-kapal Jepun daripada belayar ke seberang laut dan melarang rakyat Jepun keluar negeri. Pada tahun 1639, titah perintah ketiga telah dikeluarkan lagi oleh *bakufu* yang mana mengharamkan perdagangan asing dan menutup negara daripada perhubungan luar.<sup>32</sup> Walaupun *bakufu* Tokugawa telah melaksanakan *sakoku*, perdagangan dengan China masih diteruskan dengan kawalan ketat sama seperti yang dilakukan kepada saudagar Belanda.

### **3.0 Perbezaan daripada aspek Sosial**

Walaupun terdapat pelbagai aspek yang membezakan keadaan sosial keshogunan Tokugawa berbanding keadaan sosial semasa keshogunan Kamakura, dan Ashikaga, dalam penulisan ini penulis hanya akan menyentuh tentang perubahan perkembangan intelektual meliputi agama dan pemikiran, pendidikan serta kemunculan budaya Chonin semasa keshogunan Tokugawa.

#### **3.1 Perkembangan Intelektual: Agama dan Pemikiran**

Pada pandangan penulis, walaupun perkembangan agama dan pemikiran dalam sejarah negara Jepun yang panjang, adalah dua aspek yang berbeza, dalam perbincangan penulisan ringkas ini apabila melakukan perbandingan keshogunan Kamakura, Ashikaga dengan keshogunan Tokugawa, penulis memilih untuk menggabungkan kedua-dua aspek berkenaan. Hal ini kerana, pada pandangan penulis, keshogunan Kamakura dan Keshogunan Ashikaga lebih

---

<sup>31</sup> Pengasingan Jepun berpunca daripada kegagalan Tokugawa mengawal perdagangan luar, kebimbangan pemerintah terhadap penganut Kristian yang sentiasa disangsikan kesetiaan mereka dan kebimbangan terhadap daimyo sebelah barat bergabung dengan kuasa asing untuk menentang bakufu. Penerangan berdasarkan *Ibid*, Hlm 53-54

<sup>32</sup> M. Rajendran, Sejarah Jepun, Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn.Bhd, 1988, hlm. 49

mengutamakan prinsip Buddhisme dalam pemerintahan yang telah mempengaruhi perkembangan budaya<sup>33</sup> dan ini adalah amat berbeza dengan keshogunan Tokugawa yang melihatkan pemikiran neo-Konfucianisme lebih mempengaruhi bidang politik, falsafah, pendidikan dan budaya.

Sebagai contoh perbandingan, pada keshogunan Kamakura, berlaku reformasi kepada Buddhisme<sup>34</sup> yang dilakukan oleh empat orang pemikir iaitu Honen Shonen (1133-1212), Shinran (1173-1262), Dogen (1200-1253) dan Nichiren (1222-1282). Mereka ini yang dikaitkan dengan mazhab baru seperti *Pure Land*, Nichiren dan Zen telah menolak Buddhisme sedia ada seperti mazhab Tendai dan Shingon yang lebih mengutamakan ritual. Mereka menegaskan pengembalian kepada Buddhisme asal dan mereka turut memudahkan ajaran Buddhisme sehingga ia boleh difahami rakyat biasa. Ini menyebabkan perubahan apabila ajaran Buddhisme tidak lagi hanya diamalkan oleh golongan kelas atasan tetapi juga rakyat biasa. Perkembangan mazhab Zen<sup>35</sup> pula dapat dilihat seterusnya semasa keshogunan Ashikaga apabila biara Zen di Kyoto dijadikan sebagai organisasi rasmi dengan rahib Zen dilantik sebagai penasihat kerajaan pusat. Ini menyebabkan Shogun lebih banyak memberi perhatian kepada seni dengan membina taman dan bangunan seperti Astaka Emas (*Kinkakuji*) dan Astaka Perak (*Ginkakuji*).<sup>36</sup>

---

<sup>33</sup> Budaya merupakan satu ciri penting tamadun Jepun yang merujuk kepada pelbagai aspek kehidupan seperti agama, pemikiran, seni visual, kesusasteraan, teater, filem serta cabang seni seperti *cha-no-yu* dan taman landskap. Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 210

<sup>34</sup> Buddhisme penting kepada kehidupan agama dan budaya Jepun sejak abad keenam. Pada mulanya Buddhisme dibawa masuk melalui Korea tetapi selepas abad ke-7-16, rahib-rahib Jepun mempelajarinya terus dari China. Buddhisme seterusnya diperibumikan melalui proses asimilasi untuk disesuaikan dengan masyarakat Jepun. *Ibid*, Hlm 75-76

<sup>35</sup> Mazhab Zen berjaya menarik perhatian bushi atasan kerana memberi penekanan kepada personaliti yang kuat di samping menggalakkan pertumbuhan budaya di kalangan perwira sebagai cara menenteramkan jiwa. *Ibid*, Hlm38-39

<sup>36</sup> Kinkakuji dan Ginkakuji merupakan campuran *elegance of the nobility, vigour of the bushi and the depth of Zen monastic life* berperanan sebagai tempat manusia memikirkan alam semula jadi serta hubungan manusia dengan alam. Untuk kupasan lanjut, lihat *Ibid*, Hlm 40-43

Berbeza dengan semasa zaman Keshogunan Tokugawa, menurut Robert L. Worden dalam *Japan: a country study*:

*“The flourishing of neo-Confucianism was the major intellectual development of the Tokugawa period. Confucian studies had long been kept active in Japan by Buddhist clerics but during the Tokugawa period, Confucianism emerged from Buddhist religious control”*<sup>37</sup>

Abu Talib Ahmad dalam *Tamadun Jepun* juga berpandangan:

“Zaman Tokugawa menyaksikan semakin pentingnya pengaruh Konfucianisme dari segi pentadbiran, prinsip moral, hubungan sosial, tanggungjawab individu malah ketamadunan. Pendidikan yang berteraskan Konfucianisme turut melahirkan golongan intelek Jepun dalam pelbagai pemikiran dan bidang”<sup>38</sup>

Penulis bersetuju dengan pandangan sarjana-sarjana di atas kerana jika dibandingkan dengan keshogunan Kamakura dan Ashikaga, pemikir utama<sup>39</sup> neo-Konfucianisme mendapat tempat istimewa dalam pemerintahan Tokugawa dengan dilantik sebagai penasihat bakufu atau daimyo malah ada yang diangkat sebagai pemikir rasmi *bakufu* Tokugawa. Pemikiran neo-Konfucianisme ini telah memberikan keabsahan kepada kedudukan istimewa golongan *bushi* dan keluarga Tokugawa dalam pentadbiran dan politik. Aspek meritokrasi dalam neo-Konfucianisme telah diketepikan dengan setiap jawatan diwarisi serta dibuka hanya kepada golongan bushi. Malah pemikir neo-Konfucianisme turut menulis buku-buku sejarah<sup>40</sup> bagi menjustifikasikan pemerintahan *bakufu* Tokugawa. Dasar *bakufu* Tokugawa seperti pengasingan *bushi* daripada tanah, dan *sankin-kotai* juga berteraskan pemikiran ini.

---

<sup>37</sup> Ronald E. Dolan & Robert L. Worden (editor), *Japan : a country study*, Washington: Federal Research Division, Library of Congress, 1992, Hlm 31

<sup>38</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 128

<sup>39</sup> Antara contoh pemikir ialah seperti Fujimura Seika (1561-1619) dan Hayashi Razan (1583-1657).

<sup>40</sup> Buku-buku ini sama ada yang muncul di Edo atau di han seperti Mito cuba menerangkan kenaikan golongan sebagai penyelamat tamadun setelah berjaya menewaskan kelompok jahat yakni rahib Buddha dan penasihat istana yang berpusat di Kyoto dan kawasan sekitar. *Ibid* Hlm 150-151

Penulis bersetuju dengan pandangan Abu Talib Ahmad yang melihat konsep cara dalam Konfucianisme (*to, do, atau michi*) semasa keshogunan Tokugawa ini telah menembusi pelbagai aspek budaya Jepun seperti *Shinto* (cara *kami*), *shodo* (cara kaligrafi), *kado* (cara gubahan bunga), *sado* (cara teh), *kendo* (cara berpedang). Namun yang terpenting ialah bushido yang dikaitkan dengan disiplin, kesetiaan, serta kehidupan tanpa kemewahan yang kemudiannya diserap ke dalam kehidupan harian rakyat biasa.<sup>41</sup>

Kegagalan pemikiran neo-Konfucianisme menyelesaikan masalah dalam negara pada ketika itu akhirnya menonjolkan pemikiran Kokugaku<sup>42</sup> dan aliran Mito. Pemikir aliran Kokugaku seperti Motoori Norinaga (1700-1801) dan aliran Mito berusaha memberikan penyelesaian kepada masalah seperti kemerosotan ekonomi daimyo, bushi dan petani, masalah berhutang, rasuah yang berleluasa, kesempitan hidup rakyat, golongan saudagar dan pekerja mahir yang semakin kaya, pemberontakan serta kebuluran di desa.<sup>43</sup>

Pada pandangan penulis, masalah yang menjadi tumpuan pemikiran Kokugaku dan aliran Mito ini juga menjelaskan sedikit sebanyak bagaimana keadaan sosial masyarakat zaman keshogunan Tokugawa ini berbeza berbanding keshogunan sebelumnya terutama dari segi masalah ekonomi. Jika dianalisis, walaupun kemantapan teknik pengeluaran pertanian semasa keshogunan Ashikaga<sup>44</sup> dapat dilihat dalam keshogunan Tokugawa, terdapat masalah kekurangan tanah pertanian akibat peningkatan penduduk misalnya antara tahun 1600-1721 jumlah penduduk meningkat kepada 30 juta dan ini menyebabkan masalah kebuluran menjadi masalah besar<sup>45</sup> semasa Keshogunan Tokugawa.

---

<sup>41</sup> Ibid, Hlm 79

<sup>42</sup> Pemikiran Kokugaku merupakan pemikiran pertama yang cuba melihat nilai-nilai kejepunan seperti yang terdapat dalam kehidupan silam sebelum kemasukan pengaruh China dengan mengkaji teks klasik seperti *Manyoshu* dan *Kojiki*. Ibid, Hlm 152-159

<sup>43</sup> Ibid, Hlm 152-162

<sup>44</sup> Semasa keshogunan Ashikaga, berlaku peningkatan pengeluaran pertanian berikutan pembaikan teknik penanaman, pengenalan tanaman baru seperti teh, penggunaan lebih meluas haiwan bajak dan sistem saluran yang lebih baik. Ibid, Hlm 44-45

<sup>45</sup> Berlaku masalah kebuluran pada 1675, 1680, 1732, 1783-1784, 1787, dan 1833-1837. Ibid, Hlm 55

### 3.2 Perkembangan Pendidikan

Semasa bakufu Tokugawa, Conrad Totman dalam *Early Modern Japan* mengatakan:

*“both bakufu and han encouraged learning to keep samurai peaceably occupied in the pursuit of study and self-discipline. Government did little more than advocate, however most samurai actually received their educations at home or from private scholars.”*<sup>46</sup>

Perkembangan pendidikan ini menyebabkan peningkatan sekolah *han* daripada 270 sekolah pada 1700 kepada 315 sekolah pada tahun 1868, sementara bilangan sekolah persendirian menjangkau 1400 buah.<sup>47</sup> Jika dianalisis, *sakoku* semasa zaman Tokugawa yang telah membawa tempoh aman yang panjang turut mengubah kelompok *bushi* untuk berkecimpung dalam bidang ilmu dan pentadbiran. Malah terdapat antara mereka yang mula menceburi bidang perdagangan lewat zaman Tokugawa.<sup>48</sup> Perkembangan keadaan ini pada zaman Tokugawa berbanding keshogunan sebelumnya telah memperlihatkan bagaimana golongan *bushi* menjelang abad ke-18 menjadi golongan elit yang berpendidikan, pentadbir dan birokrat.

### 3.3 Budaya Chonin

Budaya *chonin* yang mula menyerlah pada abad ke-16 dalam pelbagai bidang budaya merupakan antara aspek perkembangan budaya yang penting pada zaman Tokugawa dan ia pada pandangan penulis, membezakan keadaan perkembangan sosial dan budaya keshogunan Tokugawa berbanding keshogunan terdahulu iaitu Kamakura dan Ashikaga. Menurut Abu Talib Ahmad dalam *Tamadun Jepun*,

“Kemunculan *chonin* berkait dengan pertumbuhan pesat ekonomi domestik pada abad ke-16-17 yang melahirkan kelompok saudagar dan pekerja mahir yang kaya. Kelompok ini

---

<sup>46</sup> Conrad Totman, *Early Modern Japan*, London: University of California Press, 1993, Hlm 161

<sup>47</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 149

<sup>48</sup> *Ibid*, 54

mempunyai tahap pendidikan yang tinggi berbanding kelompok lain kecuali golongan bushi.

Dengan kekayaan yang dikumpulkan, *chonin* berupaya mencorakkan budaya mereka sendiri”<sup>49</sup>

Budaya *chonin* ini berasaskan *ukiyo* atau dunia hiburan yang berbudaya hedonistik. Menurut Conrad Totman dalam *Early Modern Japan* :

“*In the rise of ukiyo culture, brothel activity was herded into licenced quarters (yukaku), notably Yoshiwara in Edo (1617), Shinmachi in Osaka (1629) and Shimabara<sup>50</sup> in Kyoto (1641) and elaborate organization for managing the quarters was rapidly taking shape.*”<sup>51</sup>

Budaya *chonin* menyumbang kepada perkembangan *kabuki*<sup>52</sup>, *bunraku*, *ukiyo-e* dan bidang catan. *Kabuki* pada awalnya merangkumi tarian keagamaan yang menjadi tarian rakyat di Jepun berkembang selepas tahun 1652 sebagai satu set bentuk drama seni lengkap dengan pelakon profesional dan pentas. *Bunraku* atau permainan patung pula merupakan satu bentuk bercerita yang diiringi muzik dan permainan patung di pentas. *Ukiyo-e* atau cetakan blok kayu pula merupakan seni yang berkaitan rapat dengan kehidupan *chonin*. Ia menggabungkan kerjasama antara pelukis, tukang kayu, pencetak dan penerbit. Perkembangan *ukiyo-e*, capai kemuncak pada abad ke-18 dan awal abad ke-19 hasil daripada penerapan teknik-teknik catan Barat yang menekankan butiran yang realistik. Penggiat budaya pada zaman Tokugawa juga berpeluang untuk memperbaiki kedudukan sosial mereka melalui seni dengan menunjukkan bakat di pelbagai tempat termasuk keramaian di biara, di jalan utama dalam bandar ataupun tempat khas seperti yose (pentas di pesta) yang popular pada abad ke-19.<sup>53</sup>

---

<sup>49</sup> *Ibid*, Hlm 236-250

<sup>50</sup> Dalam perbincangan Abu Talib Ahmad, beliau menggambarkan Shimabara umpama kubu yang dibahagi kepada enam blok berbeza dengan masing-masing diberikan nama berbeza seperti Sumiya yang terdapat tempat pelacuran, teater, restoran, tempat mandi (sento) dan tempat lain yang mengasyikkan. *Ibid*, Hlm 237

<sup>51</sup> Conrad Totman, *Early Modern Japan*, London: University of California Press, 1993, Hlm 161

<sup>52</sup> *Genroku kabuki theater had its origin in the dances of a woman named Okuni in the first years after Sekigahara. The root meaning of kabuki referred to wild or deviant behavior; it was, after all, attached to uncontrollable gangs of kabukimono, young blades who sauntered around the streets of Kyoto with outrageous clothes and very long swords.* Lihat Maurius B.Jansen. *The Making of Modern Japan*, London: The Belknap Press of Harvard University Press, 2002, Hlm 181

<sup>53</sup> Abu Talib Ahmad, *Tamadun Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, Hlm 255-256

Robert L. Worden dalam *Japan: a country study* merumuskan:

*“Profesional female entertainers (geisha), music, popular stories, Kabuki and bunraku (puppet) theatre, poetry, a rich literature and art, exemplified by beautiful woodblock prints (known as ukiyo-e) were all part of this flowering culture during Tokugawa period”*<sup>54</sup>

Ini menguatkan hujah penulis bagaimana kemunculan budaya Chonin semasa keshogunan Tokugawa membawa perkembangan budaya baru yang berbeza berbanding keshogunan sebelumnya.

#### **4.0 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, penulis cuba untuk menonjolkan sebuah pandangan bahawa keadaan sistem politik dan sosial dalam tempoh abad ke-12 hingga abad ke-16 yang merujuk kepada Keshogunan Kamakura dan Keshogunan Ashikaga sememangnya jauh berbeza dengan Keshogunan Tokugawa (1600-1868) kerana walaupun ketiga-tiga zaman mempunyai persamaan iaitu mewarisi bentuk pemerintahan *bakufu* namun berlaku perkembangan dan perubahan yang berterusan daripada aspek politik dan sosial menjadikan keadaan politik dan sosial ketiga-tiga Keshogunan tidak sama. Daripada aspek politik, perbezaan ini dianalisis berdasarkan tahap kematangan keshogunan, bentuk pemerintahan dan hubungan dengan negara luar. Daripada aspek sosial, aspek perkembangan intelektual yang meliputi perkembangan agama, pemikiran, pendidikan dan budaya baru iaitu budaya Chonin dianalisis bagi menunjukkan perbezaan sosial ketiga-tiga keshogunan. Akhirnya semasa pemodenan Meiji, berlaku penyerahan kuasa kerajaan Jepun kepada pemerintah Meiji. Ini menandakan pengakhiran feudalisme di Jepun.

---

<sup>54</sup> Ronald E. Dolan & Robert L. Worden (editor), *Japan : a country study*, Washington: Federal Research Division, Library of Congress, 1992, Hlm 32